

## **SANAD TUKANG BANG RASULULLAH SAW BILAL BIN RABAH RA: KAJIAN KES KESINAMBUNGAN IJAZAH SALASILAH DALAM KALANGAN TUKANG BANG DI MALAYSIA**

**Farhah Zaidar Mohamed Ramli,<sup>1</sup> Mohamad Redha bin Mohamad,<sup>1</sup> & Phayilah Yama<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Farhah Zaidar Mohamed Ramli. Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: farhahzaidar@kuis.edu.my.

### **Abstrak**

Laungan azan merupakan seruan atau panggilan yang menggunakan lafaz khusus bertujuan menandakan masuknya waktu solat fardhu serta ajakan untuk menunaikan solat tersebut secara berjemaah. Ia disyariatkan pada tahun pertama hijrah. Imbasan sejarah menunjukkan Rasulullah SAW melantik Bilal bin Rabah sebagai sahabat terawal yang ditentukan untuk menggalas tugas sebagai tukang bang Rasulullah SAW. Justeru hingga kini salasilah sanad azan masih dapat *dijazahkan* secara berkesinambungan antara generasi demi generasi hingga sampai kepada Rasulullah SAW menerusi Bilal bin Rabah RA. Namun pokok perbincangan tentang sanad azan ini masih jarang dikupas secara kritis terutama aspek kesinambungannya dalam kalangan tukang bang tempatan. Dengan itu, makalah ini bertujuan untuk meneliti kesinambungan salasilah sanad azan seorang responden yang bertugas sebagai tukang bang atau bilal masjid di Selangor. Kutipan data terkumpul menerusi instrumen analisa dokumen *ijazah* berkaitan dan temu bual tidak berstruktur terhadap responden. Analisis data dilakukan secara deskriptif. Hasil kajian dikupas berdasarkan rukun *ijazah* sampel kes kajian, salasilah sanad dan relevansi *ijazah*. Penemuan menunjukkan *ijazah* sanad azan masih disebarkan atas tujuan memelihara kualiti makhraj, tajwid dan irama dalam penyampaian azan atas landasan ilmiah. Dengan sebab itu, masih terdapat tukang bang tempatan yang prihatin untuk mengamalkan sanad ini pada masa kini. Ia dalam erti kata lain mengajar atau belajar mengumandangkan azan secara terlatih di bawah bimbingan guru yang pernah dibimbing oleh guru demi guru sehingga paras tertinggi

rantaian terhubung sampai kepada Bilal bin Rabah RA yang telah menerima *talqin* azan daripada Rasulullah SAW.

**Kata kunci:** sanad, *ijazah*, azan, Bilal bin Rabah, tukang bang.

**(SANAD MUEZZIN RASULULLAH SAW BILAL BIN RABAH RA:  
A CASE STUDY OF THE CONTINUITY OF THE GENEALOGY  
IJAZAH IN THE AMONG MUEZZIN IN MALAYSIA)**

**Abstract**

*The call to prayer is an exclamation or a call that uses specific pronunciation to indicate the time for obligatory prayer and an invitation to perform the prayer in congregation. It was stipulated in the first year of Hijrah. A historical overview shows that the Messenger of God appointed Bilal bin Rabah RA as the earliest companion who was determined to take on the task of being a muezzin or a call to prayer for the Messenger of God SAW. Therefore, until now, the genealogy of sanad azan can still be passed down continuously between generations until reaching the Prophet SAW through Bilal bin Rabah RA. However, the topic of discussion about sanad azan is still rarely examined critically, especially the aspect of its continuity among local muezzin. With that, this paper aims to examine the continuity of the sanad of a respondent who is on duty as a mosque muezzin or bilal in Selangor. Data collection was collected through document analysis instruments related to ijazah and unstructured interviews with respondents. Data analysis is done descriptively. The results of the study are analyzed based on the ijazah pillars of the case study sample, genealogy and relevance of the ijazah. The findings show that the sanad azan ijazah is still being spread for the purpose of preserving the quality of makhraj, tajwid and rhythm in the delivery of the azan on a scientific basis. For that reason, there are still local muezzin who are concerned about practicing this sanad today. In other words, it teaches or learns to pronounce the call to prayer in a trained manner under the guidance of teachers who have been guided by teachers after teachers until the highest level of the chain is connected to Bilal bin Rabah RA who has received the talqin of call to prayer from the Messenger of Allah SWT.*

**Keywords:** sanad, *ijazah*, call to prayer, Bilal bin Rabah, muezzin.

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

## **1. Pendahuluan**

Takrifan azan secara etimologi adalah bermaksud pemberitahuan/pemakluman. Takrifan azan secara terminologi adalah pemberitahuan tentang masuknya waktu solat fardhu dengan menggunakan lafaz atau zikir khusus (Wahbah, 2002). Azan juga dapat dirujuk sebagai panggilan atau bang untuk bersembahyang. Azan berperanan penting sebagai satu daripada syiar atau lambang kebesaran Islam yang agung (Mustafa & Mustafa, 1996).

Azan merupakan sejenis ibadah yang disyariatkan buat pertama kalinya di Madinah iaitu sesuai hijrah bertepatan dengan tahun pertama hijrah. Ibadah azan muncul hasil daripada rundingan antara Rasulullah SAW dan para sahabat baginda tentang bagaimana kaedah untuk memanggil para penganut Islam yang semakin bertambah ramai di bumi Madinah tersebut untuk menunaikan solat fardhu secara berjamaah di masjid. Panggilan tersebut juga mustahak sebagai petanda masuk waktu solat fardhu. Sejurus selepas persoalan ini dibincangkan terdapat usul yang mencadangkan bunyi loceng tetapi ia menyerupai syiar agama Ahli Kitab. Justeru Rasulullah SAW dan para sahabat berpandangan wajar menggunakan kaedah lain yang lebih menonjolkan keaslian syiar agama Islam ('Alawi & Hassan, 2010).

Rentetan daripada itu, sahabat Nabi SAW bernama 'Abd Allah bin Zayd RA memaklumkan kepada baginda bahawa beliau bermimpi satu kaedah yang lebih sesuai dan terbaik untuk menyeru kaum muslimin menunaikan solat fardhu iaitu dengan cara panggilan azan. 'Abd Allah bin Zayd RA memperincikan lafaz khas laungan azan sebagaimana yang beliau mimpikan tersebut di hadapan Rasulullah SAW dan baginda memperakukannya serta merta. Namun baginda SAW bertindak melantik Bilal bin Rabah RA sebagai tukang bang pertama dunia yang mengumandangkannya. Ini adalah kerana suara beliau lebih lantang, nyaring atau kuat serta merdu ('Alawi & Hassan, 2010). Ia bertujuan supaya laungan azan tersebut berupaya tersebar dengan lebih jelas serta jauh ke arah semua penjuru kawasan berhampiran masjid. Kemerduan suara pula dapat menambat hati dan menjadi daya penarik untuk kaum muslimin bergegas hadir ke masjid untuk bersama-sama menunaikan ibadah solat tersebut (Wahbah, 2002).

Imbasan sejarah merekodkan empat sahabat Rasulullah SAW yang pernah menggalas tanggungjawab sebagai juru azan baginda SAW selain daripada Bilal bin Rabah RA sama ada ketika bermukim atau bermusafir. Mereka terdiri daripada 'Abd Allah bin Ummi Maktum RA, Abu Mahzurah al-Makki RA, Sa'd al-Qurazi RA dan Ziyad ibn al-Harith al-Suda'i RA ('Alawi & Hassan, 2010). Namun sejajar dengan kedudukan Bilal bin Rabah sebagai tukang bang pertama sekali di dunia atas lantikan Rasulullah SAW menyebabkan kesinambungan salasilah sanad azan bersandarkan beliau masih lagi kekal tersebar turun temurun sehingga kini dalam kalangan tukang bang dunia Islam seluruhnya. Bahkan nama beliau, Bilal turut diabadikan sebagai gelaran kepada tukang bang.

Al-Mar'ashli (2002) iaitu *musnid* atau pengamal sanad tersohor kontemporari, merekodkan kewujudan sebuah manuskrip berjumlah dua halaman yang mendokumentasikan salasilah sanad azan yang dimiliki oleh seorang ulama yang berkesinambungan sehingga sampai kepada Bilal bin Rabah RA yang berjudul *Sanad al-Mar'ashi bi al-Adhan*. Gambar A berikut memperincikan profil manuskrip tersebut.



## فهرس مكتبة المخطوطات

عرض البيانات التفصيلية للمخطوط

[العودة إلى القائمة الرئيسية](#)

|  |  |               |
|--|--|---------------|
|  | ميكرو فيلم   | نوع المخطوط   |
|  | 5542   | رقم الاستدعاء |
|  |  | الرف          |
|  | إجازات   | الموضوع       |
|  | سند المرعشي بالأذان ( ينتهي فيه إلى سيدنا بلال الحبشي )  | العنوان       |
|  | المرعشي ؛ محمود بن أحمد بن محمود ...   | المؤلف        |
|  | الحمد لله المذكور بكل لسان ...إني تلقيت الأذان عن السيد طي بن السيد حسن المعروف برئيس المؤذنين في الجامع الشريف الأموي ... | أوله          |
|  | ... وهو أخذ عن سيدنا الصحابي الجليل بلال الحبشي رضي الله تعالى عنه وعن أصحاب رسول الله أجمعين ... و الحمد لله رب العالمين  | آخره          |
|  |  | تاريخ النسخ   |
|  |  | التاسخ        |
|  | نسخ  | نوع الخط      |
|  | ص 176 - 178  | عدد الأوراق   |
|  | عربي   | لغة المخطوط   |
|  | 17   | عدد الأسطر    |
|  |  | تاريخ التأليف |
|  | 15 * 21  | حجم المخطوط   |
|  |  | ملاحظات       |
|  | مصر : دار الكتب المصرية . مصطلح الحديث - تيمور 96  | مصدر المخطوط  |
|  | فهرست المخطوطات , دار الكتب المصرية , مصطلح الحديث ص 244   | المراجع       |

Gambar A: Manuskrip *Sanad al-Mar'ashi bi al-Adhan*.  
(<http://library1.kuniv.edu.kw/manuscript/Scriptsvie.asp?ID=25122>)

Hal ini menunjukkan bahawa *ijazah* sanad azan masih dapat ditemui secara empirikal dan kesinambungannya masih terpelihara secara amali pada setiap kurun sehingga kini. Malah *Ijazah* sanad azan yang berkesinambungan sehingga sampai kepada Bilal bin Rabah turut tersebar di Malaysia. Gambar B berikut merupakan bukti fizikal *ijazah* sanad azan responden tempatan yang menjadi sumber analisis dokumen kajian.



Gambar B: Sijil Ijazah Sanad Azan Responden

Penemuan dokumen empirikal ini memberi ruang untuk kajian meneliti kesinambungan *ijazah* salasilah sanad azan responden terbabit. Ini adalah kerana kajian bersangkutan subjek ini masih jarang dikupas secara kritis. Sedangkan pada masa yang sama pengetahuan dan relevansi *ijazah* sanad azan perlu diketengahkan untuk meningkatkan keprihatinan tukang bang tempatan terhadap tradisi pengambilan sanad dalam pembelajaran ilmu azan. Dapatkan

kajian berpotensi untuk menjana, memimpin serta menguruskan persepsi yang tepat terhadap pokok perbincangan ini dalam kalangan golongan sasaran terbabit setakat penemuan kajian.

## 2. Metodologi Kajian

Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk meneliti kesinambungan *ijazah* salasilah sanad azan seorang responden terlibat yang bertugas sebagai tukang bang atau bilal masjid di Selangor. Kajian ini adalah penyelidikan asas yang menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif dan persampelan bertujuan. Kutipan data terkumpul menerusi instrumen analisa dokumen *ijazah* berkaitan dan temu bual tidak berstruktur terhadap responden. Analisis data dilakukan secara deskriptif.

## 3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dapatan dan perbincangan kajian dihuraikan secara deskriptif berdasarkan tiga spesifikasi utama penemuan iaitu rukun *ijazah* sampel kajian, salasilah sanad azan responden dan relevansi *ijazah* sanad azan terbabit.

### 3.1 Rukun Ijazah Sampel Kes Kajian

Abd al-Fattah (1992) mendapati aplikasi sanad dalam sistem pengajian ilmu Islam merupakan satu tradisi yang telah sebatu serta menjadi adat kebiasaan yang tidak mungkin terkubur. Ini adalah kerana fenomena pengajian bersanad merupakan wasilah tunggal untuk menghubungkan pertautan sanad di antara penuntut ilmu dengan Rasulullah SAW khasnya dan dengan para ulama pewaris baginda umumnya. Pertautan atau persambungan salasilah sanad tersebut lazimnya direalisasikan menerusi adaptasi metode *al-ijazah* yang sebenarnya berasal daripada metode persambungan periwayatan hadis dalam disiplin *al-tahammul wa al-ada'*. Pelaksanaan *al-ijazah* pula adalah melibatkan empat rukun iaitu (Ibn al-'Imadiyyah, 2008):

- a. *al-mujiz* iaitu guru pemberi *al-ijazah*
- b. *al-mujaz lah* iaitu murid penerima *al-ijazah*
- c. *al-mujaz bih* iaitu periwayatan yang dimiliki oleh guru yang dinyatakan sebagai perkara yang *dijazahkan* kepada murid.
- d. Kaedah atau lafaz *al-ijazah* iaitu frasa atau ungkapan atau teks yang diucapkan atau ditulis oleh guru pemberi *al-ijazah* kepada murid selaku penerima *al-ijazah*.

Jadual 1 berikut memaparkan rukun *ijazah* yang melibatkan sampel kes kajian ini. Data-data ini dideklarasikan dalam dokumen sijil *ijazah* sanad azan responden terbabit.

Jadual 1: Rukun *Ijazah* Sampel Kes Kajian

| RUKUN PENGIJAZAHAN                                  | SAMPEL KES KAJIAN                      |
|---|--|
| <i>al-Mujiz</i> (Guru pemberi <i>ijazah</i> )       | Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah |
| <i>al-Mujaz lah</i> (Murid penerima <i>ijazah</i> ) | Responden                              |

|  |  |
|--|--|
| <i>al-Mujaz bih</i> (Perkara yang diijazahkan) | <i>Ijazah fi ada' al-adhan al-shar' i</i>  |
| Kaedah dan lafaz <i>al-ijazah</i>              | <i>Ijazah mu'ayyan li mu'ayyan</i><br>Lafaz guru:<br>وإني قد أجزت الأخ في الله (Responden) زاده الله<br>هداية ونور بالاذان |

Sumber: Sijil *Ijazah* Sanad Azan Responden

Keempat-empat rukun berhubung sampel kes kajian sebagaimana yang tertera dalam jadual 1 di atas dikupas sebagaimana berikut.

i. Profil *al-Mujiz* (Guru Pemberi *Ijazah*)

*Al-Mujiz* atau guru pemberi *ijazah* sanad azan kepada responden dalam konteks sampel kajian ialah Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah. Beliau merupakan ilmuwan kelahiran Syria yang berusia sekitar 40 tahun. Beliau lahir di Yalda, Damshiq pada tahun 1983. Pendidikan formal beliau adalah dalam bidang Syariah dan Bahasa Arab di Ma'had Shaykh al-'Allamah Ahmad Adil Khurshid. Ilmuwan ini terkenal dikenali sebagai qari *tarannum* al-Quran dan *Munsiyid Qasidah Shami*. Beliau bergiat aktif sebagai guru bimbingan *tarannum*, azan dan nasyid terutama di Syria dan Timur tengah. (<https://www.youtube.com/watch?v=zQi08boaYRE>)

Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah adalah antara ilmuwan qari terbilang yang sanad bacaan al-Qurannya berkesinambungan sampai kepada Rasulullah SAW serta turut memiliki *ijazah* sanad azan yang berkesinambungan kepada Bilal bin Rabah RA serta Rasulullah SAW. Rentetan daripada itu, beliau sering menjadi ilmuwan undangan untuk program atau kursus melibatkan bidang kepakaran yang berkaitan dengan kedua-dua *ijazah* sanad tersebut seperti kursus ilmu asas tajwid, kursus makhraj huruf untuk penutur bukan berbangsa Arab serta kursus laungan azan secara bersanad termasuk di Malaysia. (<https://www.youtube.com/watch?v=zQi08boaYRE>). Al-Shaykh Mustafa 'Abd al-Wahhab Qabud merupakan guru bimbingan azan secara bersanad kepada Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah sebagaimana yang termaktub dalam sijil *ijazah* sanad azan yang dikurniakan kepada para murid di Malaysia. Jadual 2 berikut memperincikan contoh sebuah program pengijazahan sanad azan oleh Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah di Malaysia.

Jadual 2: Program Pengijazahan Sanad Azan Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah di Malaysia

| BIL | NAMA & TEMPAT PROGRAM | PENGANJUR & TARIKH | PENYERTAAN        | JUMLAH AL-MUJAZ LAH (Murid Penerima <i>Ijazah</i> ) |
|-----|-----------------------|--------------------|-------------------|---|
| 1.  | Daurah Perdana Azan   | Raudhatul          | lelaki berusia 12 | 250 orang   |

|  |  |   |               |  |
|--|--|---|---------------|--|
|  | dan al-Fatihah Bersanad<br>(Tahsin dan Tarannum)<br><br>Surau Ibnu Khaldun<br>Taman Lavender Height<br>Senawang N.Sembilan | Muhibbin Negeri<br>Sembilan &<br>Pusat Baitul<br>Khadeejah Al<br>Kubro<br><br>4 Februari 2018 | tahun ke atas |  |
|--|--|---|---------------|--|

**Sumber** <https://www.facebook.com/RaudhatulMuhibbinN9> &  
<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180209/281951723274461>

ii. Profil *al-Mujaz lah* (Murid Penerima *al-Ijazah*)

*Al-Mujaz lah* atau murid penerima *al-ijazah* merupakan pemegang jawatan bilal di Selangor. Beliau menjawat jawatan tersebut sejak tahun 2016 sehingga kini atas lantikan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pendidikan tertinggi beliau ialah ijazah Sarjana Muda Bioteknologi daripada Universiti Selangor (UNISEL) yang diperolehinya pada tahun 2008. Kecenderungan responden untuk terlibat dalam kerjaya juru azan atau tukang bang dapat ditaksirkan berasal usul daripada pengaruh latar belakang keluarga beliau sendiri. Ini adalah kerana bapa, datuk dan moyang beliau bukan sahaja terlibat tetapi turut terkenal sebagai tukang bang di mukim masing-masing (Responden, 2023).

Responden memiliki dua orang guru azan tanpa sanad dan seorang guru bersanad atau disebut guru *al-mujiz* pemberi *ijazah* sanad azan iaitu Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah. Beliau berpendapat bahawa umumnya semua orang dapat melaungkan azan dengan sah meski pun tanpa sanad serta sanad azan di Malaysia masih lagi bukan suatu kebiasaan. Namun atas faktor dorongan ingin memastikan ilmu azan beliau adalah sabit, sah, tepat, betul, benar yang mendatangkan keyakinan dalam aspek sebutan makhraj, nada suara, irama lagu dan penjiwaan menyebabkan beliau terdorong memohon peng*ijazahan* azan daripada guru *ijazah* azan terbabit.

Dalam erti kata lain, responden (2023) dapat mengukur kualiti atau mutu azan beliau daripada guru pengamal sanad azan yang terlatih iaitu yang mendapat bimbingan spesifik daripada gurunya yang terdahulu yang turut mendapat bimbingan daripada gurunya juga dan situasi ini berkesinambungan pada setiap peringkat sanad yang di*ijazahkan* tersebut sehingga sampai kepada Bilal bin Rabah RA. Pada masa yang sama menurut responden (2023) *ijazah* sanad azan yang beliau terima adalah tertakluk kepada kelulusan ujian saringan yang dilakukan oleh guru pemberi *ijazah* tersebut. Ini menunjukkan bukan semua murid yang memohon *ijazah* sanad azan akan berjaya mendapatkannya.

Responden (2023) turut memiliki sekitar dua atau tiga orang murid penerima *ijazah* sanad azan daripada beliau. Faktor utama beliau terdorong memberikan *ijazah* sanad bertulis tangan kepada murid terbabit adalah atas faktor permintaan murid sendiri secara individu serta dikehendaki terlebih dahulu lulus ujian saringan laungan azan yang sewajarnya.

Responden (2023) turut merumuskan empat kepentingan atau manfaat yang beliau dapati daripada pendekatan mempelajari azan secara bersanad sebagaimana berikut:

- a. Dapat memastikan sebutan azan responden adalah betul.
- b. Dapat memastikan nada dan mutu suara azan yang dikumandangkan responden adalah sebagaimana sepatutnya.
- c. Dapat mempelajari lagu atau irama laungan azan yang betul iaitu antara contohnya ialah irama hijaz yang berasal daripada juru azan masjid Nabawi.
- d. Dapat menjiwai tugas seseorang tukang bang pada kesedaran yang paling tinggi. Dalam erti kata, tatkala detik melafazkan penerimaan *al-ijazah* iaitu *qabiltu*, responden dapat mengaktifkan cetusan rasa dalam jiwa sendiri iaitu perasaan seronok terharu dapat berkhidmat kepada Rasulullah SAW pada posisi sebagai tukang bang. Ia diterjemahkan dengan bayangan atau gambaran seolah-olah dapat melaungkan azan langsung di hadapan baginda SAW sendiri.

Keseluruhan empat kepentingan di atas dapat diperolehi dengan keberkatan bimbingan guru *ijazah* azan yang mempunyai kesinambungan bimbingan daripada para guru azan yang bertalian sehingga paras Bilal bin Rabah RA yang seterusnya turut terhubung sampai kepada Rasulullah SAW.

Responden (2023) turut berpendapat keempat-empat kepentingan atau manfaat mempelajari azan secara bersanad tersebut dapat membantu seseorang tukang bang untuk melunaskan tugas melaungkan azan bertepatan dengan makna/signifikasi lafaz azan dan tujuan asal penyariatannya iaitu untuk memanggil orang menunaikan solat fardhu apabila masuk waktunya pada aras kualiti pelaksanaan yang paling tinggi mutunya.

Responden (2023) turut menjelaskan pada dasarnya ilmu azan yang dipelajari secara bersanad ini adalah tidak dapat dikatakan benar-benar mewakili seratus peratus irama asal laungan azan Bilal bin Rabah RA. Ini adalah kerana tiada salinan asal bunyi laungan tersebut yang sampai kepada generasi mutakhir. Namun ilmu azan yang diwariskan adalah bertepatan dengan landasan teori ilmiah berkaitan aspek makhraj, tajwid, irama dan suara yang sepatutnya dikuasai oleh seseorang tukang bang yang berkualiti.

### iii. Profil *al-Mujaz bih* (Perkara yang diijazahkan)

Perkara yang diijazah dalam konteks kajian ini adalah *Ijazah fi Ada' al-Adhan al-Shar'i* iaitu *ijazah* kelulusan beserta keizinan atau kebenaran mengumandangkan azan secara sah oleh guru pemberi *ijazah* terhadap murid penerima *ijazah*. Murid dikehendaki terlibat dalam melaksanakan proses *talqin* bimbingan melafaz atau mengumandangkan azan yang sah secara *talaqqi mushafahah* di hadapan guru yang bersalasilah atau bersanad. Ia merupakan *ijazah* dalam erti kata guru menitik beratkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap perkara yang diijazahkan iaitu dalam konteks azan adalah bersangkutan kawal selia kualiti makhraj, tajwid dan irama dalam penyampaian azan atas landasan ilmiah. Dalam erti kata lain, *al-ijazah* hanya diberikan setelah murid lulus ujian saringan yang dilakukan oleh guru pemberi *ijazah*.

### iv. Kaedah dan Lafaz *al-Ijazah*

Kaedah *ijazah* dalam konteks sampel kajian dapat dikategorikan sebagai *Ijazah mu'ayyan li mu'ayyan*. Ia bermaksud *ijazah* tertentu kepada yang tertentu. Dalam erti kata lain, guru

pemberi *ijazah* menentukan murid penerima *ijazah* serta perkara yang diijazah dengan jelas sebagaimana termaktub dalam dokumen sijil *ijazah* responden. Ia merupakan kaedah *ijazah* berkualiti paling tinggi atas justifikasi kejelasan penentuan dua elemen tersebut (*Mawsu'ah 'Ulum al-Hadith* 2007). Tiada unsur kesamaran dalam proses pengijazahan tersebut. Pengijazahan ini turut dimeterai dengan lafaz yang spesifik iaitu dengan menggunakan frasa yang menunjukkan atau menzahirkan makna *al-ijazah* iaitu Sheikh Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah menyatakan lafaz:

وإني قد أجزت الأخ في الله RESPONDEN زاده الله هداية ونور بالاذان

Terjemahan: “Bahawa saya telah mengijazahkan (membenar atau mengizinkan) saudara kerana Allah RESPONDEN Semoga Allah menambahkan hidayah dan cahaya dengan azan...”

Empat perkataan dalam frasa di atas telah merangkumi empat rukun *ijazah* berkaitan iaitu terdiri daripada *al-Mujiz* (إني), *al-Mujaz lah* (RESPONDEN), *al-Mujaz bih* (بالاذان) dan lafaz *ijazah* yang turut menzahirkan kaedah *al-ijazah* (أجزت).

### 3.2 Salasilah Sanad Azan Responden

Salasilah sanad azan responden terdiri daripada 32 orang nama guru-guru bimbingan azan iaitu bermula daripada Sheikh Hussam Nassuh Tayyarah sehingga sampai kepada paras tukang bang Rasulullah SAW iaitu Bilal bin Rabah RA. Jadual 3 berikut memperincikan keseluruhan nama-nama yang didokumentasikan dalam sijil *ijazah* sanad azan responden terbabit.

Jadual 3: Salasilah Sanad Azan Responden

| BIL | SALASILAH SANAD AZAN RESPONDEN                                       | LAFAZ KESINAMBUNGAN SALASILAH |
|-----|--|-------------------------------|
| 1   | Hadrat al-Haq <i>Subhanah wa Ta'ala</i>                              |                               |
| 2   | Sayyiduna Jibril <i>'Alayh al-Salam</i>                              | عن                            |
| 3   | <b>Rasulullah SAW</b>  | تلقنه عن                      |
| 4   | <b>Sayyiduna Bilal al-Habashi bin Rabah Juru azan Rasulullah SAW</b> | التلقين منه                   |
| 5   | 'Allamah al-Waqt Sayyiduna 'Uqbah RA                                 | تلقنه من                      |
| 6   | Al-Sayyid Raji al-Wadud  | تلقنه من                      |
| 7   | Al-Shaykh Muwafiq al-Yamani  | تلقنه من                      |
| 8   | Al-Shaykh Haris al-Shashani  | تلقنه من                      |
| 9   | Qadi Ishaq Tukang bang Jami' al-Azhar, Mesir                         | تلقنه من                      |

|    |   |                                  |
|----|---|----------------------------------|
| 10 | Al-Shaykh Su‘ud al-Marwazi  | تلقنه من                         |
| 11 | Al-Shaykh ‘Abd Allah al-Ghifari al-Makki  | تلقنه من                         |
| 12 | Al-Shaykh Khalid  | تلقنه من                         |
| 13 | Al-Shaykh Safiyy al-Din al-Makki  | تلقنه من                         |
| 14 | Al-Shaykh Zamzam al-Turazi  | تلقنه من                         |
| 15 | Al-Shaykh Sulayman al-Makki Tukang bang Haram Mekah   | من                               |
| 16 | Al-Shaykh al-Fadil al-‘Alim Ahmad al-Tayyibi  | تلقنه من                         |
| 17 | Al-Shaykh al-Qudwah Ibrahim al-Madani   | تلقنه من                         |
| 18 | Al-Shaykh Liwali Jawad al-Din al-Khalili  | تلقنه من                         |
| 19 | Al-Shaykh Salih bin al-Shaykh Muhammad al-Maqdisi Tukang bang   | تلقنه من                         |
| 20 | Al-Shaykh Ibrahim al-Nabulusi   | تلقنه من                         |
| 21 | Shaykh ‘Uthman Ketua Pertubuhan Tukang bang Haramullah al-Sharif  | تلقنه من                         |
| 22 | Al-Shaykh al-Faliq Mustafa al-Atrash Tukang bang al-Sahkrah al-Quds   | تلقنه من                         |
| 23 | Al-Shaykh Muhammad al-Kufayri   | تلقنه من                         |
| 24 | Al-Shaykh Muhammad Ibn Jaqjaqiyyah al-Badi, al-Mu‘aqqit Jami‘ Bani Umayyah                                  | تلقنه من                         |
| 25 | Al-Hajj Bakri bin al-Sayyid ‘Umar Tukang bang Jami‘ Bani Umayyah  | تلقنه من                         |
| 26 | Al-Shaykh Junayd al-Muwaqqat Jami‘ Bani Umayyah   | تلقنه من                         |
| 27 | Al-Sayyid Muhammad Nuhas  | تلقنه من                         |
| 28 | Bapanya al-Marhum al-Hajj Ahmad Shaghari Tukang bang Jami‘ Bani Umayyah                                     | تلقنه من                         |
| 29 | Al-Sayyid ‘Abd Allah al-‘Awa al-Qadiri al-Mahyawi Tukang bang Jami‘ Bani Umayyah                            | تلقنه من                         |
| 30 | Al-Marhum al-Hajj Muhammad Amin bin al-Marhum Muhammad Khuli al-Fahham Ketua Tukang bang Jami‘ Bani Umayyah | تلقنه من                         |
| 31 | Al-Shaykh Rasmi Qudw Tukang bang Jami‘ Bani Umayyah   | تلقنه من                         |
| 32 | Al-Marhum Fu‘ad Khalil al-Safadi Juru azan Jami‘ Bani Umayyah   | تلقنه من                         |
| 33 | Al-Hajj Muhammad ‘Ali Shaykh Tukang bang Jami‘ Bani Umayyah   | تلقنه من                         |
| 34 | Al-Shaykh Mustafa ‘Abd al-Wahhab Qabud  | كما تلقنته من قبل                |
| 35 | <b>Hussam Muhammad Nassuh Tayyarah</b>  | ولي أن أجزى بعد أن تلقنته من قبل |
| 36 | <b>Responden</b>  |                                  |

Sumber: Ijazah Sanad Azan Responden

Jadual 3 di atas menunjukkan pertautan kesinambungan *ijazah* salasilah sanad di antara guru demi guru adalah dengan menggunakan lafaz *talqin*. Justeru kesinambungan sanad di sini adalah tertakluk kepada kelayakan mengumandangkan (*talqin*) azan secara sah sah berlandaskan kualiti tajwid, makhraj serta irama secara terpinpin berteraskan penguasaan dan kefahaman ilmu bersangkutan secara benar dan yakin bersandarkan perakuan atau pengiktirafan guru.

Seterusnya jadual 3 turut merekodkan sebahagian besar guru atau juru azan yang terlibat dalam mengaplikasi *ijazah* sanad ini adalah terdiri daripada tukang bang Masjid Nabawi Madinah (contoh guru bilangan 4 & 17), Masjid Haram Mekah (contoh guru bilangan 11,13, 15 & 21), Masjid Kubah al-Quds Palestin (contoh guru bilangan 19 & 22), Masjid Jami' Umayyah, Syiria (contoh guru bilangan 24, 25, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34 & 35) serta Masjid al-Azhar, Mesir (contoh guru bilangan 9). Jaringan berlatarkan kenegaraan ini menunjukkan tukang bang Madinah, Mekah, Palestin, Syiria dan Mesir merupakan tukang bang Islam pelopor dan peneraju utama dalam usaha memelihara serta mengekalkan kesinambungan rantaian/salasilah sanad ilmu azan Rasulullah SAW.

Satu persatu nama-nama tukang bang yang ditemui dalam sijil *ijazah* sanad azan responden yang bertalian kurun demi kurun sehingga kini turut berhasil menunjukkan kemampuan mereka dalam merealisasikan kesinambungan sanad ilmu azan sehingga paras Bilal bin Rabah RA serta seterusnya pasti bertaut dengan Rasulullah SAW. Bukti empirikal ini berjaya menghakis penafian terhadap sanad sebagai salah satu keistimewaan umat Muhammad (al-Qastallani, 1991) serta memadamkan ancaman terputusnya pertalian ilmu dengan baginda SAW dalam konteks sanad ilmu azan. Ia pada masa yang sama, serta merta dapat merealisasikan slogan agung *al-Isnad min al-Din* yang antara lain membawa maksud sanad merupakan sebahagian daripada landasan ilmu agama (Abd al-Fattah, 1992).

### 3.3 Relevansi

Korpus perbincangan relevansi *ijazah* sanad azan yang berkesinambungan kepada Rasulullah SAW menerusi Bilal bin Rabah RA dapat dikupas berdasarkan lima aspek bersangkutan sebagaimana berikut.

#### i. Relevansi Metode *al-Ijazah*

Pada asalnya *al-ijazah* merupakan satu daripada metode persambungan sanad periwayatan hadis yang diguna pakai oleh ilmuwan hadis. *Al-Ijazah* daripada aspek etimologi adalah kata terbitan bagi perkataan *ajaza yujizu* yang bermaksud keizinan (al-Ghawri, 2012). *Al-ijazah* dalam terminologi ahli hadis merujuk kepada keizinan seseorang guru kepada orang lain bagi meriwayatkan hadis atau kitabnya atau fihris periwayatannya atau karya-karya karangannya. (Ibn Salah, 1986 & al-Sakhawi, 2005). Ia juga disebut *ijazah riwayat* (Usamah, 2008).

Namun metode ini kemudiannya turut diguna pakai oleh ilmuwan Islam dalam lain-lain ilmu pengajian Islam atas tujuan persambungan sanad ilmu-ilmu tersebut. Pendek kata ilmuwan

Islam memasyhurkan *al-ijazah* sebagai mekanisme standard persambungan sanad ilmu-ilmu pengajian Islam. al-Ghamidi (2008) menjelaskan relevansi *al-ijazah* antaranya adalah:

- a. *al-Ijazah* juga mekanisme standard untuk pengekaln rantaian sanad dan kesinambungan pertautan antara *rijal* atau ilmuwan.
- b. *al-Ijazah* dapat menjadi bukti kukuh yang menzahirkan hubungan yang jelas antara seseorang murid dengan guru.

Oleh itu, relevansi *al-ijazah* umumnya tertakluk kepada motif unggul iaitu pewarisan salasilah sanad ilmu seseorang guru kepada murid agar tidak putus ikatan persambungan keilmuan tersebut dalam pelbagai cabang ilmu pengajian Islam termasuk ilmu *talqin* azan.

Namun *ijazah* dalam konteks *talqin* azan adalah bukan daripada kategori *ijazah* kitab-kitab *turath*. Ia lebih kepada kategori *ijazah* yang diberikan dengan harus menguasai perkara atau hal yang disanadkan tersebut. Ini adalah kerana *ijazah* dalam konteks ilmu azan adalah keizinan guru yang diberikan yang tertakluk atau terikat kepada kelulusan ujian penguasaan kefahaman dan praktikal mengumandangkan azan secara sah (Maulana La Eda t.th.).

## ii. Relevansi *al-Mujiz* Guru Pemberi *Ijazah*

Pada dasarnya Islam menggalakkan sesuatu ilmu adalah perlu dipelajari daripada ilmuwan pakar bidang. Ia bertujuan supaya ketulenan dan kesahihan ilmu dapat dituntut daripada sumber yang sebenar dan relevan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nahl ayat 43 yang bermaksud:

*“Oleh itu, bertanyalah kamu kepada orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahu.”*

Dalam tradisi keilmuan Islam, pada umumnya *al-mujiz* atau guru pemberi *ijazah* merupakan pakar atau berkeahlian dalam bidang berkaitan ilmu yang beliau *ijazahkan* kepada murid. Dalam konteks kajian ini, ia adalah ilmu mengumandangkan azan secara sah. Ini adalah kerana guru tersebut pernah mendapat bimbingan dan latihan mengumandangkan azan daripada guru yang juga pernah dibimbing oleh guru demi guru pada setiap peringkat sanad sehingga sampai kepada paras Bilal bin Rabah RA serta kemuncaknya bertaut dengan Rasulullah SAW.

Malah, al-Suyuti (2000) pernah menyatakan bahawa *al-ijazah* merupakan suatu penyaksian oleh seseorang *al-mujiz* terhadap kelayakan *al-mujaz lah* bagi perkara yang *dijazahkan*. Justeru, *ijazah* yang dimiliki oleh guru tersebut dapat menjadi bukti serta perakuan penguasaan dalam perkara yang *dijazahkan* iaitu ilmu mengumandangkan azan secara syar'i daripada *al-mujiz* atau guru azannya yang terdahulu sebagaimana yang termaktub dalam salasilah sanad azan tersebut.

Dengan itu, *al-mujiz* atau guru pemberi *ijazah* menguasai kepakaran dalam mengenal pasti kesalahan atau kesilapan dalam mengumandangkan azan. Guru tersebut dalam erti kata lain, adalah terlatih dalam memastikan laungan azan adalah sah dan terhindar daripada

kesalahan sama ada besar atau kecil. Hal ini menunjukkan relevansi kedudukan guru yang memiliki *ijazah* sanad azan dalam tradisi pembelajaran Islam.

iii. Relevansi *al-Mujaz lah* Murid Penerima *Ijazah*

Dalam aspek sanad azan, *al-mujaz lah* atau murid penerima *ijazah* pada dasarnya berada dalam landasan yang tulen dalam konteks berguru dengan guru bersanad untuk menguasai ilmu azan. Ia dalam erti kata murid secara asasnya telah berguru dengan sumber kepakaran yang telah teruji serta mendapat kepercayaan guru-guru dalam salasilah sanad azan tersebut. Imam Muhammad bin Sirin melontarkan nasihat kepada para penuntut ilmu agar berwaspada dalam urusan pencarian guru dalam menuntut ilmu agama (al-Ghamidi, 2008).

إن هذا العلم دين، فانظروا عمن تأخذون دينكم

Maksudnya: Sesungguhnya ilmu itu adalah (asas) agama, maka perhatikan daripada siapa kamu mengambil agama (ilmu) kamu. Muslim, H. *Sahih Muslim*, Mukadimah, Bab Fi ‘ann al-Isnad min al-Din, no hadis: 26

Seterusnya, murid dalam konteks *ijazah* sanad azan dapat memahami dan mempraktikkan laungan azan yang sah secara langsung di hadapan guru. Murid turut dapat mengenal pasti kesalahan atau kesilapan yang perlu dielakkan semasa mengumandangkan azan menurut panduan guru secara langsung. Faktor-faktor ini berkemampuan untuk mendatangkan keyakinan kepada murid untuk melaungkan azan berlandaskan kefahaman dan amali yang sewajarnya. Malah lebih ilmiah lagi ilmu yang diperolehi mempunyai kesinambungan sehingga sampai kepada pakar atau tukang bang yang pertama sekali mengumandangkan azan di dunia atas perintah Rasulullah SAW iaitu Bilal bin Rabah RA.

Pada kemuncaknya, *ijazah* sanad azan yang diterima oleh pihak murid dapat disimpulkan sebagai perakuan kelulusan ujian penguasaan serta disusuli izin mengumandangkan azan secara sah. Keseluruhan kupasan di atas menunjukkan relevansi kedudukan *al-mujaz lah* atau murid penerima *al-ijazah* sanad azan dalam tradisi pembelajaran Islam.

iv. Relevansi Pengekal Kesinambungan Salasilah Kepada Rasulullah SAW

*Al-Mujiz* atau guru pemberi *ijazah* dan *al-mujaz lah* atau murid penerima *ijazah* telah bergandingan dalam usaha memastikan pengekal kesinambungan salasilah sanad azan agar terus terhubung sampai kepada sumber asal ilmu azan iaitu Rasulullah SAW menerusi perantara Bilal bin Rabah RA. Relevansi terbesar tersebut menyebabkan ilmuwan Islam melunaskan tanggungjawab memelihara kesinambungan ini secara konsisten. Kesinambungan salasilah tersebut dimeterai secara metode *ijazah* menerusi proses *talqin* azan pada setiap peringkat sanad pada setiap kurun sehingga kurun ini. Ia termasuk kesinambungan kesahihan ilmu mengumandangkan azan dapat diperturunkan secara sistematik terhadap tukang bang pada setiap generasi sepanjang 15 kurun hijrah.

Kesinambungan salasilah sanad ilmu-ilmu Rasulullah SAW serta pengekalannya merupakan perkara besar yang dititik beratkan oleh ilmuwan dunia Islam sepanjang zaman (al-Mar'ashli, 2002). Mereka menzahirkan konsensus terhadap hal ini menerusi persepakatan amali terhadap pelaksanaan *ijazah* sanad ilmu hadis terutamanya (Usamah al-Azhari, 2008) serta kemudiannya termasuk ilmu azan secara konsisten pada setiap kurun. Bahkan, al-Ghamidi (2008) menegaskan paling kurang jika kelebihan sanad pada masa mutakhir hanya terbatas kepada sahnya perletakan nama murid sebaris dalam salasilah sanad yang paras tertingginya kembali bersambung dengan baginda SAW, ini sahaja sudah cukup relevan sebagai suatu kemuliaan, kelebihan dan kehormatan dalam memiliki *ijazah* sanad tersebut.

#### v. Relevansi Dokumentasi Salasilah Sanad dalam Sijil *Ijazah* Sanad Azan

Ilmuwan Islam berpandangan bahawa dokumentasi nama-nama guru yang tersenarai dalam sesuatu salasilah sanad keilmuan Islam termasuk salasilah sanad azan adalah masih relevan tanpa batasan masa. Dengan sebab itu, ilmuwan Islam khususnya pengamal sanad bertindak menyimpan atau mengabadikan satu persatu nama-nama ilmuwan dalam salasilah sanad sepanjang 15 kurun tersebut dalam kumpulan karya sanad yang disebut *al-athbat* atau paling kurang dalam sijil *ijazah* sanad sebagaimana yang dimiliki oleh responden kajian ini.

Relevansi tersebut adalah kerana dokumentasi ini menjadi sumber rujukan terhadap pengetahuan atau pengenalan tentang latar belakang para guru yang tersenarai dalam sesuatu salasilah sanad ilmu. Ini adalah kerana rantaian sanad tersebut memperkenalkan guru-guru lagenda dan handalan yang menjadi perantara serta suri teladan untuk mencari ilmu untuk sampai kepada keredaan Allah SWT. Ia selaras dengan pandangan al-Nawawi (2006) di mana beliau menyatakan bahawa: "*Guru-guru seorang insan dalam ilmu merupakan bapa-bapa dalam agama, dan perantara yang menghubungkan antaranya dengan Tuhan sekalian alam, maka sesuatu yang jelek jika tidak mengenali mereka.*"

Seterusnya, menurut al-Mar'ashli (2002) dokumentasi salasilah ini relevan kerana ia menjadi faktor utama salasilah sanad ilmu-ilmu Islam tersebut tidak lenyap ditelan zaman. Malah ia kekal dapat disoroti sepanjang zaman kerana tersimpan secara sistematik dalam kumpulan karya sanad mahu pun sijil-sijil *ijazah* sanad yang diselenggara serta dicetak pada setiap zaman.

Selain itu, Brown J.A.C (2009) berpandangan dokumentasi salasilah sanad dalam kumpulan karya sanad termasuk dalam sijil-sijil *ijazah* sanad adalah mirip *curriculum vitae* yang menunjukkan salasilah perguruan ilmu-ilmu agama yang berkesinambungan sehingga sampai kepada sumber mutlak penyampai ilmu agama iaitu Rasulullah SAW. Ia merupakan relevansi dokumentasi paling utama yang tidak mungkin diketepikan atau disisihkan kepentingannya oleh ilmuwan Islam sepanjang zaman.

#### 4. Penutup

Kajian merumuskan bahawa antara lain penemuan sanad azan yang terdiri daripada nama-nama guru bimbingan azan yang bertalian memperolehi *ijazah* atau keizinan untuk mengumandangkan azan secara sah yang berkesinambungan hingga sampai kepada Bilal bin Rabah RA serta seterusnya terhubung sampai kepada Rasulullah SAW pada dasarnya

adalah implementasi tersirat daripada penghayatan empat karakter nabawi iaitu *siddiq, amanah, tabligh* dan *fatanah* (Sa'ad 2003) yang sebatu dalam diri baginda SAW. Ia kemudiannya diteladani dengan cemerlang oleh para ilmuwan pewaris ilmu baginda SAW yang mana nama-nama mereka turut tersenarai dalam rantaian tersebut.

Kajian berpandangan bahawa penyampaian ilmu azan bersanad tidak keterlaluan untuk ditaksirkan sebagai gambaran terlaksananya empat karakter atau sifat asas penyampai mutlak ilmu wahyu yang diteladani daripada baginda SAW oleh para ilmuwan bersanad tersebut. Taksiran tersebut iaitu kejujuran (*siddiq*) ilmuwan dalam menerangkan kaedah pengambilan ilmu serta memperkenalkan guru ilmu azan. Disusuli komitmen menunaikan amanah (*amanah*) dengan menyampaikan semula ilmu tersebut selaras dengan kaedah pengambilan. Seterusnya penyampaian (*tabligh*) ilmu azan dilaksanakan secara konsisten dan diwariskan secara bertanggungjawab kepada setiap generasi serta diiringi intelektual (*fatanah*) dalam pelaksanaan iaitu dengan menggunakan mekanisme tulen dan sistematik berlandaskan pengijazahan *talqin* dalam penyampaian ilmu tersebut.

Rentetan itu, bukan sesuatu yang menghairankan apabila pengajian bersanad ilmu azan kekal diaktifkan sepanjang 15 kurun. Bahkan kualiti guru, murid, ketulenan serta kesahihan ilmu azan dan akhirnya sanjungan serta kecintaan terhadap Rasulullah SAW dapat dikawal selia dan diimplementasikan dengan cemerlang berasaskan pendekatan pengajian sebegini.

Justeru, penglibatan tukang bang tempatan dalam jurusan *ijazah* azan secara bersanad perlu ditingkatkan serta diperluaskan perlaksanaannya. Ia supaya kecerdasan ilmu azan dapat dituntut serta diwarisi menerusi mekanisme tulen dan sistematik yang mempunyai hubungan kait dengan sumber asal ilmu tersebut iaitu bersandarkan kesinambungan *ijazah* sanad kepada keilmuan Rasulullah SAW.

Kesinambungan ilmu kepada baginda SAW merupakan justifikasi unggul yang tidak dapat dicabar oleh akal yang cerdas beserta keimanan dan kecintaan tuntas yang tercurah mengalir tanpa henti terhadap baginda SAW. Lebih-lebih lagi penglibatan tukang bang tempatan dalam arena ini sekaligus pada kemuncaknya turut merupakan penghormatan, pengiktirafan serta penghargaan tertinggi kepada sumber mutlak penyampai ilmu-ilmu Islam iaitu Rasulullah SAW serta para pewaris ilmu baginda SAW menerusi landasan ikatan sanad.

Ekoran daripada itu, tukang bang atau bilal masjid profesional lantikan majlis agama Islam negeri-negeri di Malaysia disarankan agar memperolehi *ijazah* sanad azan sebegini sama ada pada peringkat awal, pertengahan atau akhir di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sebagai bilal masjid tempatan.

## **RUJUKAN**

- Abu Ghuddah, A. F. (1992). *Al-Isnad min al-Din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- 'Alawi, A. M. & Hasan S. N. (2010). *Ibanah al-Ahkam Sharah Bulugh al-Maram*. Terj. Nor Hasanuddin H.M. Fauzi. Batu Caves: al-Hidayah Publication.
- Brown, J.A.C. (2009). *Hadith Muhammad's legacy in the medieval and modern world*. Oxford: Oneworld Publications.

- Daurah Azan Bersnad. (2018). Muat turun di talian  
<https://www.facebook.com/RaudhatulMuhibbinN9> (12 Jun 2023)
- Daurah Azan Bersnad. (2018). Muat turun di talian  
<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180209/281951723274461> (12 Jun 2023)
- al-Ghamidi, D. S. H. (2008). *Al-Wijazah fi al-Athbat wa a-Ijazah*. Beirut: Dar Qurtubah
- al-Ghawri, S. A. M. (2012). *Kamus Istilah Hadis*. Terj. Zuhilmi Mohamed Nor et.al. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Ibn al-'Imadiyyah, M. S. I. (2008). *Juz' fi al-Ijazah*. Tahqiq: Nizam Muhammad Salih Ya'qubi. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ibn al-Salah, 'U. 'A. S. (1986). *'Ulum al-Hadith*. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Latar belakang Sheikh Hussam Tayyarah. (2022). Muat turun di talian  
(<https://www.youtube.com/watch?v=zQi08boaYRE>)
- Manuskrip *Sanad al-Mar'ashi bi al-Adhan*. Muat turun di talian  
<http://library1.kuniv.edu.kw/manuscript/Scriptsview.asp?ID=25122> 12 Jun 2023.
- Mar'ashli, Y. 'A. (2002). *Mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Maulana La Eda. (t.th.). Penjelasan Mengenai Ijazah Sanad. Muat turun di talian  
<https://wahdah.or.id/penjelasan-mengenai-ijazah-sanad/>(13 Jun 2023)
- Mawsu'ah 'ulum al-hadith*. (2007). Kaherah: Wizarat al-Awqaf al-Majlis al-'A'la li al-Shu'uni al-Islamiyyah.
- Muslim, H. (t.th.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Mustafa, B. & Mustafa, K. (1996). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhahib al-Imam al-Shafi'i*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, A. Z. Y. (2006). *Tahdhib al-asma' wa al-lughat*. Tahqiq: 'Abduh 'Ali Kawshak. Jil. 1. Damshiq: Dar al-Faiha'.
- al-Qastallani, A. M. (1991). *Al-Mawahib al-laduniyyah bi al-minah al-muhammadiyyah*. Tahqiq: Salih Ahmad al-Shamiyy. Jil. 2. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- Responden. (2023). Profil *al-Mujaz lah* (Murid Penerima *al-Ijazah*). Temu bual, 16 Jun.
- Sa'id, H. (2003). *al-Rasul Sallahu' Alaihi wa Sallam*. Jilid 1. Terj. Abdul Hayyie al Kattani, Habiburrahman Syaerozi, Sofwan Abbas & Tgk. Taqiyuddin Muhammad. Kuala Lumpur. Penerbit Darul Fikir.
- al-Sakhawi, M. A. (2005). *Fath al-mughith bi sharh alfiyyah al-hadith*. Tahqiq: 'Abd al-Karim bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Khudayr & Muhammad bin 'Abd Allah bin Fahayd Alfahayd. Jil. 1, 2 & 3. Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj.
- al-Suyuti, J. A. (2000). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Salim Hashim. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Usamah, A. (2008). *Mu'jam al-Shuyukh*. Negeri Sembilan: Sofa Production.
- Wahbah, Z. (2002). *Al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.